

BAB 3

KAEDAH DAN PROSEDUR

3.1 PENGENALAN

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui dan mengenalpasti jenis-jenis kesalahan sebutan dan kekerapannya yang lazim dilakukan oleh pelajar Cina semasa membaca petikan bahasa Cina secara nyaring. Di samping itu, penyelidik juga ingin mengetahui sama ada kebiasaan bertutur dalam dialek Cina, prestasi pencapaian akademik pelajar ataupun unsur-unsur yang lain akan turut mempengaruhi penyebutan yang tepat dan betul dalam bacaan nyaring pelajar. Oleh itu, dalam kajian ini satu petikan dalam bahasa Cina digunakan untuk menguji pencapaian bacaan nyaring pelajar dari segi penyebutan. Di samping itu, temubual dengan pelajar dan guru mata pelajaran Bahasa Cina juga diadakan dalam kajian ini untuk memperolehi maklumat tambahan yang berkaitan.

3.2 CARA-CARA PENGUMPULAN DATA

Kajian ini dijalankan dalam dua peringkat. Peringkat pertama ialah ujian bacaan nyaring dijalankan untuk setiap pelajar, dan peringkat kedua ialah temubual dengan pelajar dan guru.

3.2.1 Peringkat Pertama: Ujian Bacaan Nyaring

Setiap pelajar diberikan satu petikan sama yang sesuai (Sila rujuk Lampiran A) dalam ujian bacaan nyaring. Ujian bacaan nyaring dijalankan sekali sahaja untuk setiap pelajar secara berasingan. Pada masa yang sama juga, rakaman suara bacaan diadakan. Selepas itu, penyelidik memainkan semula rakaman tersebut untuk membuat analisis terhadap jenis-jenis kesalahan sebutan dalam bahasa Cina yang dilakukan oleh setiap pelajar.

Penganalisisan data dibuat berdasarkan tiga aspek yang utama iaitu:

- i. Bunyi konsonan
- ii. Bunyi vokal ü , ù e , ù n

Kajian hanya dijalankan ke atas kesalahan sebutan yang mempunyai vokal ‘ü’ kerana penyelidik cuma ingin meninjau sama ada kebiasaan pelajar menyebut salah perkataan yang mempunyai bunyi vokal ‘ü’ kepada ‘i’ adalah dipengaruhi oleh dialek Cina di rumah .

- iii. Intonasi

Ton Neutral dan Perubahan Ton pada perkataan ‘不’ (bu), ‘—’ (yi), perubahan ton pada dua perkataan berdekataan yang mempunyai persamaan ton (perubahan Ton Ketiga kepada Ton Kedua / 上 声 变 调) dan kesalahan sebutan intonasi yang lain jika ada.

Bahan bacaan nyaring dipetik daripada buku teks Bahasa Cina Tingkatan Dua kerana buku-buku teks yang digunakan di sekolah adalah mengikut Sukatan Pelajaran Bahasa Cina yang telah dirancangkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum. Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa buku ini adalah sesuai untuk menguji bacaan nyaring pelajar Cina Tingkatan Dua.

3.2.2 Peringkat Kedua: Temubual

Selepas ujian bacaan nyaring dijalankan, penyelidik menjalankan temubual dengan guru dan pelajar.

i. Temubual dengan pelajar

Temubual telah dijalankan ke atas 12 orang pelajar Cina Tingkatan Dua secara berasingan untuk menyiasat sama ada latar belakang pelajar, taraf sosial ekonomi, pertuturan dialek Cina sebagai bahasa pertama di rumah dan variabel-variabel lain yang mungkin akan mempengaruhi kesalahan sebutan pelajar dalam bacaan nyaring.

Untuk melicinkan proses temubual dan memastikan data yang diperoleh adalah relevan dengan kajian ini, maka satu Skedul Soalan Temubual untuk pelajar-pelajar telah disediakan (Sila rujuk Lampiran B).

ii. Temubual dengan guru

Satu temubual juga telah dijalankan dengan dua orang guru mata pelajaran Bahasa Cina untuk mengumpul data yang tidak boleh dilihat tetapi boleh diperoleh melalui

perbualan dengan guru-guru. Satu Skedul Soalan Temubual untuk guru-guru telah juga disediakan (Sila rujuk Lampiran C).

3.3 SAMPEL

3.3.1 Sekolah

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Samad, Klang. Sekolah ini ialah sekolah jenis Gred A yang mempunyai 1575 orang Pelajar. Walaupun sekolah ini merupakan sebuah sekolah Melayu tetapi majoriti pelajarnya ialah pelajar Cina. Terdapat sebanyak 59.8% pelajar Cina, 21.5% pelajar India, 18.2% pelajar Melayu dan pelajar lain-lain sebanyak 0.5% di sekolah ini.

Sekolah ini dipilih sebagai sampel kajian kerana sekolah ini terdiri daripada pelbagai etnik. Tambahan pula, pelajar Cina di sekolah ini ada yang berasal dari sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, dan ada pula yang berasal dari sekolah rendah kebangsaan. Walaupun bahasa pengantar di sekolah menengah ini ialah bahasa Melayu, tetapi pelajar Cina yang berlainan aliran biasanya akan menggunakan dialek Cina seperti bahasa Hokkien, bahasa Hakka dan bahasa Kantonis sebagai bahasa perhubungan jika ada di antara satu pihak itu tidak mengetahui bahasa Cina (Mandarin).

3.3.2 Pelajar

Seramai 12 orang pelajar Cina Tingkatan Dua yang berasal dari sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dipilih sebagai sampel kajian ini. Pemilihan sampel kajian ini juga

berdasarkan pencapaian akademik mereka dalam mata pelajaran Bahasa Cina semasa peperiksaan akhir tahun 1997. Empat orang di antara mereka ialah pelajar berpencapaian rendah, empat orang pelajar berpencapaian sederhana dan empat orang lagi ialah pelajar yang berpencapaian tinggi.

Sampel kajian ini dipilih daripada pelajar Tingkatan Dua adalah kerana mereka sekurang-kurangnya sudah setahun belajar di sekolah menengah dan mereka juga bukan golongan pelajar yang akan menghadapi peperiksaan Penilaian Menengah (PMR) seperti pelajar Tingkatan Tiga

3.3.2 Guru

Dua orang guru mata pelajaran Bahasa Cina telah dipilih untuk temubual dalam kajian ini. Seorang daripada guru tersebut ialah guru terlatih dan berpengalaman. Manakala seorang lagi ialah guru yang sudah berpencen dan dilantik semula sebagai guru sandaran. Temubual diadakan dengan mereka selepas ujian bacaan nyaring dan temubual dengan pelajar.

3.4 PROSEDUR PENYELIDIKAN

Pada mulanya, penyelidik memilih satu petikan untuk ujian bacaan nyaring yang sesuai dari buku teks Bahasa Cina KBSM Tingkatan Dua. Selepas itu, penyelidik membina soalan-soalan yang sesuai untuk temubual dengan pelajar dan guru.

Setelah memperoleh kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan dan sekolah, penyelidik telah memilih 12 orang pelajar yang menjadi sasaran kajian ini. Setelah pemilihan dijalankan, pelajar-pelajar ini dikumpulkan dan diberitahu tentang tujuan kajian. Seterusnya, pelajar-pelajar diberikan ujian bacaan nyaring satu per satu. Ujian ini hanya dijalankan sekali sahaja bagi setiap pelajar. Pada masa yang sama, rakaman untuk bacaan nyaring dibuat. Selepas selesainya ujian bacaan nyaring, barulah satu temubual dijalankan ke atas pelajar secara berasingan. Bagi setiap temubual, rakaman perbualan diadakan juga.

Selepas ujian bacaan nyaring dan temubual dengan pelajar dijalankan, satu temubual dengan guru pula diadakan dan rakaman perbualan turut dijalankan. Akhirnya, analisis dibuat daripada data-data yang telah dikumpulkan. Seterusnya penyelidik membuat satu laporan tentang kajian ini.

3.4.1 Langkah-langkah Kajian


Langkah-langkah kajian telah dijalankan seperti berikut:

- a. Pemilihan bahan bacaan nyaring yang sesuai untuk pelajar Tingkatan Dua
- b. Pembinaan soalan-soalan atau Skedul Temu bual
- c. Pemilihan sampel kajian
- d. Memperoleh kelulusan daripada Bahagian Penyelidikan dan Pendidikan (EPRD)
- e. Pentadbiran ujian bacaan nyaring dan perakaman
- f. Temubual dengan pelajar

- g. Temubual dengan guru
- h. Penganalisisan data
- i. Penulisan laporan

3.4.2 Carta Aliran Prosedur Kajian

Rajah 2 di bawah menunjukkan Carta Aliran Prosedur Kajian:



Rajah 2: Carta Aliran Prosedur Kajian